



## “BERSANGKA BAIK TERHADAP ALLAH”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: ... الَّذِينَ قَالُوا لِإِخْوَانِهِمْ وَقَعَدُوا  
لَوْ أَطَاعُونَا مَا قُتِلُوا قُلْ فَادْرَأُوا عَنْ أَنْفُسِكُمْ

الْمَوْتَ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ ﴿١٦٨﴾

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ  
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ،  
أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ  
اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ  
وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

**Muslimin yang di rahmati Allah,**

Saya menyeru diri saya dan juga sidang Jumaat sekalian agar kita sama-sama meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah dengan



melaksanakan segala suruhanNya dan menjauhi segala laranganNya. Mudah-mudahan kita tergolong di kalangan orang-orang yang mendapat perlindungan di akhirat kelak.

Mimbar Jumaat pada hari ini ingin mengajak kita semua supaya **"Bersangka Baik Terhadap Allah SWT."**

Bersangka baik kepada Allah merupakan amalan hati yang mempunyai nilai tinggi dalam agama. Ia membentuk kita menjadi hamba yang betul-betul beriman dengan-Nya, menerima segala ketentuan-Nya dan menjadikan kita lebih berusaha dalam mencari rezeki yang dilimpahi-Nya.

Terdapat beberapa situasi dalam kehidupan yang kita harungi sebagai ujian daripada Allah, maka kita hendaklah bersangka baik kepada Allah. Antaranya ;

1. Apabila berdoa, hendaklah kita yakin bahawa Allah akan menerima doa kita.

Hadis daripada Abu Hurairah RA. bahawa Rasulullah SAW. bersabda:

ادْعُوا اللَّهَ وَأَنْتُمْ مُوقِنُونَ بِالْإِجَابَةِ

"Berdoalah kepada Allah dalam keadaan kamu yakin dimakbulkan".

(Riwayat at Tirmizi).

2. Apabila beribadat hendaklah kita berharap Allah menerima amalan kita seperti firman-Nya dalam surah al-Fathir ayat 10 :



...إِلَيْهِ يَصْعَدُ الْكَلِمُ الطَّيِّبُ وَالْعَمَلُ الصَّالِحُ  
يَرْفَعُهُ...<sup>ج</sup>

*"...kepada Allah lah naiknya segala perkataan yang baik (yang menegaskan iman dan tauhid, untuk dimasukkan ke dalam hitungan balasan), dan amal yang soleh pula di angkatnya naik (sebagai amal yang makbul...)"*

3. Jika bertaubat hendaklah ia berharap agar Allah menerima taubatnya seperti firman Allah dalam surah at-Taubah ayat 104 :

أَلَمْ يَعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ هُوَ يَقْبَلُ التَّوْبَةَ عَنْ عِبَادِهِ  
وَيَأْخُذُ الصَّدَقَاتِ وَأَنَّ اللَّهَ هُوَ التَّوَّابُ الرَّحِيمُ



*"Tidakkah mereka mengetahui bahawa Allah lah yang menerima taubat dari hamba-hambanya, dan juga menerima sedekah-sedekah (serta membalasnya)?, dan sesungguhnya Allah lah penerima taubat, lagi Maha Mengasihani".*

4. Hendaklah kita yakin dengan balasan baik dan buruk daripada Allah Taala kerana kepada Allah lah kita semua akan kembali.
5. Hendaklah kita yakini akan pertemuan dengan Allah kelak dalam keadaan yang baik.



Hadis daripada Jabir Bin Abdullah RA. bahawa Rasulullah SAW bersabda :

لا يَمُوتَنَّ أَحَدُكُمْ إِلَّا وَهُوَ يُحْسِنُ الظَّنَّ  
بِاللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ.

*"Jangan ada seseorang daripada kamu yang akan mati kecuali ia bersangka baik terhadap Allah".*

*(Riwayat Muslim).*

Oleh itu, untuk menanam sifat bersangka baik terhadap Allah SWT. kita perlu mengetahui bahawa Allah itu Maha luas rahmat-Nya yang mencakupi keampunan, anugerah dan kemurahan-Nya. Sebagai hamba yang beriman kepada-Nya kita mesti menzahirkan rasa syukur kita kepada Allah dengan melaksanakan segala perintah-Nya, menunaikan ibadah wajib maupun ibadah sunat maka dengan itu keimanan kita akan bertambah.

Firman Allah dalam surah al Kahfi ayat 110:

فَمَنْ كَانَ يَرْجُوا لِقَاءَ رَبِّهِ فَلْيَعْمَلْ عَمَلًا  
صَالِحًا وَلَا يُشْرِكْ بِعِبَادَةِ رَبِّهِ أَحَدًا ﴿١١٠﴾

*"Katakanlah (Wahai Muhammad): "Sesungguhnya aku hanyalah seorang manusia seperti kamu, diwahyukan kepadaku bahawa Tuhan kamu hanyalah Tuhan yang satu; oleh itu, sesiapa yang percaya dan berharap akan pertemuan dengan Tuhannya, hendaklah ia mengerjakan amal yang*



soleh dan janganlah ia mempersekutukan sesiapaupun dalam ibadatnya kepada Tuhannya".

Oleh itu, sesiapa yang percaya dan berharap akan pertemuan dengan Tuhannya, hendaklah ia mengerjakan amal yang soleh dan janganlah ia mempersekutukan sesiapaupun dalam ibadatnya kepada Tuhannya".

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,**

Antara sifat orang munafik ialah mereka bersangka buruk terhadap Allah. Ini terjadi pada peristiwa perang Uhud di mana orang munafik telah bersangka bahwa Allah tidak akan memberi kemenangan kepada rasul-Nya. Mereka beralasan jika tidak menyertai perang Uhud nescaya mereka tidak mengalami kekalahan dan kecederaan bahkan kematian. Semua sangkaan puak munafik ini direkodkan oleh Allah pada surah ali Imran ayat 154 :

ثُمَّ أَنْزَلَ عَلَيْكُم مِّن بَعْدِ الْغَمِّ أَمْنَةً نُّعَاسًا يَغْشَىٰ  
طَآئِفَةً مِّنكُمْ وَطَآئِفَةٌ قَدْ أَهَمَّتْهُمْ أَنفُسُهُمْ يَظُنُّونَ  
بِاللَّهِ غَيْرَ الْحَقِّ ظَنَّ الْجَاهِلِيَّةِ يَقُولُونَ هَل لَّنَا مِّن  
أَمْرٍ مِّن شَيْءٍ قُلْ إِنَّ الْأَمْرَ كُلَّهُ لِلَّهِ ...

"Kemudian sesudah (kamu mengalami kejadian) yang mendukacitakan itu, Allah menurunkan kepada kamu perasaan aman tenteram, iaitu rasa mengantuk yang meliputi segolongan dari kamu (yang teguh imannya lagi ikhlas), sedang segolongan yang lain yang hanya mementingkan diri sendiri, menyangka terhadap Allah dengan sangkaan yang tidak benar, seperti



sangkaan orang-orang jahiliyah. mereka berkata: "Adakah bagi kita sesuatu bahagian dari pertolongan kemenangan yang dijanjikan itu?" Katakanlah (Wahai Muhammad): "Sesungguhnya perkara (yang telah dijanjikan) itu semuanya tertentu bagi Allah, (Dia lah sahaja yang berkuasa melakukannya menurut peraturan yang ditetapkanNya)".

### **Hadirin sidang Jumaat yang dirahmati Allah S.W.T,**

Bersangka bahawa Allah akan mengampuni dosa suatu hari nanti tetapi terus menerus melakukan maksiat juga berputus asa daripada rahmat Allah di atas musibah yang menimpa lalu membuat keputusan membunuh diri atau sebagainya adalah perkara yang mesti di jauhi dan wajib dihindari.

Selain daripada itu menganggap bahawa kejayaan duniawi yang diperolehi hanya kerana hasil usaha dan ilmu pengetahuan sendiri menjadikan seseorang itu lupa bahawa sebenarnya nikmat itu adalah datangnya daripada Allah Taala. Maka hindarilah daripada bersikap angkuh hanya dengan sedikit nikmat yang diberikan oleh Allah Taala sebagai ujian. Lihat...bagaimana kesudahan Qarun dengan hartanya yang melimpah ruah.

Firman Allah Taala dalam surah al-Qasas ayat 78 :

قَالَ إِنَّمَا أُوتِيْتُهُ عَلَىٰ عِلْمٍ عِنْدِي ۗ أَوَلَمْ يَعْلَمْ  
أَنَّ اللَّهَ قَدْ أَهْلَكَ مِنْ قَبْلِهِ مِنَ الْقُرُونِ مَنْ هُوَ



أَشَدُّ مِنْهُ قُوَّةً وَأَكْثَرُ جَمْعًا وَلَا يُسْأَلُ عَنْ ذُنُوبِهِمُ  
الْمُجْرِمُونَ

"Qarun menjawab (dengan sombongnya): "Aku diberikan harta kekayaan ini hanyalah disebabkan pengetahuan dan kepandaian yang ada padaku". (Kalaulah Qarun bijak pandai) tidakkah ia mengetahui dan pandai memahami, bahawa Allah telah membinasakan sebelumnya, dari umat-umat yang telah lalu, orang-orang yang lebih kuat daripadanya dan lebih banyak mengumpulkan harta kekayaan ? dan (ingatlah) orang-orang yang berdosa (apabila mereka diseksa) tidak lagi ditanya tentang dosa-dosa mereka, (kerana Allah sedia mengetahuinya)".

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,**

Oleh itu marilah sama-sama kita membuat muhasabah diri sejauhmanakah kita menghayati agama ini dari sudut ilmu pengetahuan, amalan dan akhlak islamiah. Ini kerana penyakit bersangka buruk terhadap Allah adalah berpunca daripada kejahilan kita bahawa setiap apa yang berlaku adalah daripada Allah jua.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
وَمَا كُنْتُمْ تَسْتَرُونَ أَنْ يَشْهَدَ عَلَيْكُمْ سَمْعُكُمْ وَلَا  
أَبْصَارُكُمْ وَلَا جُلُودُكُمْ وَلَكِنْ ظَنَنْتُمْ أَنَّ اللَّهَ لَا يَعْلَمُ



كَثِيرًا مِّمَّا تَعْمَلُونَ ﴿٢٢﴾ وَذَالِكُمْ ظَنُّكُمُ الَّذِي ظَنَنْتُمْ  
بِرَبِّكُمْ أَرَدْتُمْ فَأَصْبَحْتُمْ مِنَ الْخٰسِرِينَ ﴿٢٣﴾

"Dan semasa kamu berselindung (ketika melakukan dosa di dunia dahulu) bukanlah kerana kamu bimbangkan pendengaran dan penglihatan serta kulit-kulit badan kamu menjadi saksi terhadap perbuatan-perbuatan kamu yang berdosa itu, akan tetapi kerana kamu menyangka bahawa Allah tidak mengetahui kebanyakan dosa yang kamu lakukan (secara bersembunyi itu). Dan sangkaan kamu yang demikian, yang kamu sangka terhadap Tuhan kamu, itulah yang telah membinasakan kamu; (dengan sangkaan kamu yang salah itu) maka menjadilah kamu dari orang-orang yang rugi!"

(al-Fussilat : 22)

بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،  
وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ  
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.





أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ  
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا  
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى  
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ  
فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: 'إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ  
يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ  
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ  
الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ  
وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ  
لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ



الأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ  
مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ يَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ . اللَّهُمَّ إِنَّا  
نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ ، وَنَسْأَلُكَ  
بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْ تَحْفَظَ  
بِعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ ،  
جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَاعُورِ ، سُلْطَانَ  
شَرَفُ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم  
سُلْطَانَ صَلَاحُ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج .  
اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهُدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ ، وَالصِّحَّةَ  
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ ، لَوْلِيِّ عَهْدِ سَلَاعُورِ ، تَعَكَوْ أَمِيرِ  
شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفُ الدِّينِ ادریس شاه  
الحاج فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا



ذَالْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ  
لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقاصِدَهُمَا  
لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ  
وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا  
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ  
اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي  
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ  
يَعْظُمُ لِعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ  
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.